

# Curi motosikal, warga asing dipenjarakan setahun

**SIBU:** Seorang warganegara Indonesia dijatuhi hukuman penjara setahun oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana mencuri sebuah motosikal pada 6 November lepas.

Iman Lazuardy, 28, diperintahkan oleh Majistret Oon Kork Chern untuk menjalani hukuman penjara itu bermula daripada tarikh dia ditangkap iaitu 6 November lalu.

Dia dituduh mencuri motosikal jenama SM Sport dari sebuah rumah di

Lorong Sibu Jaya 1D pada 6 November 2024, jam 8 malam.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan yang dihukum di bawah Seksyen 379A(1) Kanun Keseksaan, yang mempe-runtukkan hukuman penjara tidak kurang satu tahun dan tidak lebih tujuh tahun dan juga boleh dikenakan denda.

Fakta kes menyatakan pada hari kejadian, pengadu mendakwa motosikal milik isterinya yang diparkir di

hadapan rumah mereka telah hilang dipercayai dicuri.

Pada 7 November 2024, pihak polis telah menangkap seorang lelaki iaitu tertuduh bersama sebuah motosikal SM Sport.

Tertuduh juga gagal menunjukkan dokumen pengenalan diri.

Siasatan yang dijalankan mendapati tertuduh telah memiliki serta menggunakan motosikal curi, yang dilaporkan hilang sebelum itu.